



Press Release

BRUNEI DARUSSALAM KEKAL SEBAGAI 10 NEGARA TERATAS DI DALAM ISLAMIC FINANCE DEVELOPMENT INDICATORS (IFDI) 2019

1. Negara Brunei Darussalam mengekalkan kedudukannya sebagai salah satu daripada 10 pasaran kewangan Islam teratas daripada 131 negara seperti yang dilaporkan dalam *ICD-Refinitiv Islamic Finance Development Report 2019: Shifting Dynamics*. Laporan ini mengambil kira data keseluruhan bagi tahun 2018 yang mana menempatkan negara ini pada kedudukan kesepuluh pada tahun ini dengan skor 45 mata, dalam *Islamic Finance Development Indicator* (IFDI), dan juga di tempat ketiga di ASEAN selepas Malaysia dan Indonesia.
2. *ICD-Refinitiv Islamic Finance Development Report 2019* menyatakan bahawa industri kewangan Islam global telah menunjukkan sedikit peningkatan sebanyak 3% tahun-ke-tahun dengan jumlah US\$ 2.5 trilion pada tahun 2018, disebabkan oleh ekonomi yang lembap di beberapa pasaran utama dalam industri. Laporan tersebut juga menyatakan aset industri kewangan Islam berpotensi untuk berkembang sebanyak US\$ 3.5 trilion menjelang tahun 2024.
3. Malaysia, Bahrain dan Emiriyah Arab Bersatu kekal sebagai tiga teratas dalam pasaran kewangan Islam bagi pembangunan keseluruhan. Indonesia menduduki tempat keempat dengan peningkatan ketara yang dicatatkan di dalam Pembangunan Kuantitatif, dengan pengeluaran sukuk hijau yang bernilai US\$ 1.25 bilion serta sukuk yang berkaitan dengan waqf bernilai US\$ 1.64 bilion pada 2018.
4. IFDI menyediakan kedudukan dan profil untuk pelbagai pasaran kewangan Islam global berdasarkan lima penunjuk utama. Ini termasuk Pembangunan Kuantitatif (Perbankan Islam, Takaful, Institusi Kewangan Islam Lain, Sukuk dan Dana Islam); Pengetahuan (Pendidikan dan Penyelidikan), Tadbir Urus (Peraturan, Tadbir Urus Syariah dan Tadbir Urus Korporat); Tanggungjawab Sosial Korporat (Aktiviti CSR dan CSR Dana Pembiayaan); dan Kesedaran (Seminar, Laporan dan Persidangan).
5. Negara Brunei Darussalam kekal di kedudukan 10 tangga teratas dalam penunjuk Kesedaran, iaitu peningkatan dari tangga ke-3 kepada tangga ke-2 dalam penunjuk Seminar dan seterusnya menempatkan Negara Brunei Darussalam sebagai 5 negara teratas dalam mengadakan acara yang berkaitan dengan Kewangan Islam pada tahun 2018. Laporan tersebut juga melaporkan Negara Brunei Darussalam sebagai salah satu negara yang mempunyai landskap pengawalseliaan yang kukuh dan disenaraikan sebagai 5 negara teratas

dalam penunjuk Tadbir Urus, dengan peningkatan kedudukan dari tangga yang ke-7 kepada kedudukan ke-3 bagi penunjuk Tadbir Urus Korporat.

6. Dari segi pertumbuhan aset, laporan tersebut melaporkan Negara Brunei Darussalam berada di kedudukan 10 teratas dalam aset takaful dan dicatatkan sebagai 3 negara teratas dengan pasaran yang berkembang pesat dalam aset takaful dengan peningkatan daripada BND491.8 juta pada tahun 2017 kepada BND546.1 juta pada 2018. Aset perbankan Islam juga telah mencatatkan sedikit peningkatan daripada BND11.2 bilion pada 2017 kepada BND11.7 bilion pada 2018, mencakupi kira-kira 90% daripada jumlah aset pasaran kewangan Islam. Di samping itu, nilai aset bersih dana Islam meningkat daripada BND95.5 juta pada 2017 kepada BND102.1 juta pada 2018.
7. Refinitiv adalah penyedia maklumat, pandangan dan teknologi global untuk memacu inovasi dan prestasi dalam pasaran kewangan global.

Autoriti Monetari Brunei Darussalam

Tarikh : 4 Jamadilakhir 1441 / 29 Januari 2020

Ruj : AMBD/COMMS/3